



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL

## KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM GERAK RAHMAH 2023 - JOM RONDA SRS SERENTAK SELURUH NEGARA

---

**17 MAC 2023, MANJUNG (PERAK)** – YB Encik Sivanesan A/L Achalingam, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India telah mewakili YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak hari ini melancarkan **PROGRAM GERAK RAHMAH 2023: JOM RONDA SRS** bertempat di Pusat Rukun Tetangga KRT Manjung Point, Manjung, Perak yang menjadi lokasi pelancaran program yang dilaksanakan secara serentak seluruh negara.

2. Program GERAK RAHMAH merupakan salah satu inisiatif terbaru JPNIN di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia Madani di bawah kluster Program KOMUNITI RAHMAH yang bertujuan menggerakkan KRT secara bersepadu dan menyeluruh ke arah membina Masyarakat MADANI seperti yang dihasratkan YAB Perdana Menteri.
3. KRT dan SRS menjadi jentera utama di peringkat komuniti yang mempunyai peranan cukup penting dan signifikan dalam merealisasikan aspirasi Masyarakat Madani. Justeru, pihak Kementerian bersama Jabatan menggunakan pendekatan melaksanakan Program KOMUNITI RAHMAH ini yang berpaksikan kepada hidup saling menghormati, bekerjasama, peduli dan berkasih sayang.
4. Selain dari rondaan bersepadu yang dilaksanakan selepas majlis perasmian, juga diadakan penyerahan Sumbangan Rahmah dan Ziarah Rahmah iaitu penyampaian Kotak Rahmah dan peralatan kesihatan kepada anggota atau keluarga yang memerlukan bantuan.
5. Di bawah PROGRAM GERAK RAHMAH, satu aktiviti akan dilaksanakan pada setiap bulan yang disusun mengikut EMPAT (4) Gerak Kerja KRT iaitu Gerak Kerja KRT

Sejahtera, Gerak Kerja KRT Selamat, Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah dan Gerak Kerja KRT Sihat.

6. Bertemakan '**Keselamatan Komuniti Tanggungjawab Bersama**', JOM RONDA SRS ini melibatkan penyertaan lebih 3,000 KRT dan SRS di seluruh negara.
7. Gerakan secara bersepadau dan menyeluruh ini diharapkan akan meningkatkan semangat anggota SRS untuk melaksanakan tugas kawalan dan kawalan keselamatan kejiranan di peringkat komuniti masing-masing, disamping dapat mewujudkan persaingan sihat dalam meningkatkan keaktifan SRS.
8. Program ini juga mendapat kerjasama rakan kolaboratif Jabatan iaitu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) agensi-agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta yang terlibat.
9. Turut hadir, YBhg. Dato' Hajah Norison Ramli, Ketua Pengarah JPNIN, YDH Toh Seri Bijaya Lt. Kol (B) Dato' Shahrudin bin Haji Nazari, Orang Besar Jajahan Manjung, YDH CP Dato' Mohd Yusri bin Hassan Basri, Ketua Polis Negeri Perak dan YBrs. Tuan Haji Mansor bin Mohd Hashim, Pengarah JPNIN Perak.

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
(Kementerian Perpaduan Negara)**

17 Mac 2023

- TAMAT -

**Pertanyaan media**

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No Tel : 019-267 1075 (YM Tengku Nor Liza Tengku Yahya ), 019-39239 379 (Jasittha )

E-mail: projpnin@perpaduan.gov.my

No rujukan: JPN.01/483/12 (10)